



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[INTEGRATED CURRICULUM PRACTICE FOR ISLAMIC SCHOOLS IN MALAYSIA]

AMALAN KURIKULUM BERSEPADU BAGI SEKOLAH ISLAM DI MALAYSIA

RAHIMAH EMBONG^{1*}

NORMILA NORUDDIN²

AB. AZIZ SULAIMAN²

WAN ISMAIL WAN ABDULLAH²

HANIF MD LATEH @ JUNID²

¹ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

² Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

*Corresponding author: rahimahembong@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 April 2018

Abstract

Islamic Education system in Malaysia has undergone a major change since 1957. The changes are continuously to occur in accordance with educational needs required by society and current situations. One of the needs is an integrated curriculum as a solution to solve the issue of educational dualism of modern secular and traditional religions. Makkah Conference 1977 as a catalyst for developing the Islamic education system that is relevant to the modern world through curriculum integration and Islamization of knowledge. This article aims to analyze the practice of integrated curriculum in two Islamic schools, namely Al-Amin and school of excellence Imtiaz based on four aspects of philosophy, curriculum content, integration methods, teaching methods and assessment methods. This study is qualitative and descriptive using inductive data analysis method. The study has found that there is consistency in terms of the philosophy and objectives of both models recommended by the Makkah Conference. The study also presents findings on the core curricular content and methodologies are in line with Islamic principles and theories, however, there are some problems in term of practices. Some problem is possibly due the lack of real understanding of the integrated curriculum conceptually. This becomes a contributing factor to the continuous existence of educational dualism in education system in Malaysia.

Keywords: *Islamic Schools, Education in Malaysia, Integrated Curriculum, Curriculum integration, Islamic Education*

Abstrak

Sistem Pendidikan Islam di Malaysia telah mengalami perubahan bersifat major semenjak tahun 1957. Perubahan terus berlaku mengikut keperluan pendidikan yang diperlukan masyarakat dan dipengaruhi keadaan semasa. Satu daripada keperluan tersebut adalah kurikulum bersepadu bagi

menyelesaikan isu dualism pendidikan berbentuk sekular moden dan agama tradisional. Persidangan Makkah 1977 menjadi pemangkin untuk merangka sistem pendidikan Islam yang sesuai dengan dunia moden melalui penyepaduan kurikulum dan Islamisasi ilmu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengamalan kurikulum bersepadu di dua sekolah menengah Islam iaitu Al-Amin dan Imtiaz berasaskan empat aspek iaitu falsafah, kandungan kurikulum, kaedah penyepaduan, kaedah pengajaran dan kaedah penilaian. Kajian ini bersifat kualitatif dan deskriptif menggunakan tatacara analisis data secara induktif. Kajian mendapati bahawa terdapat keselarasan daripada segi falsafah dan matlamat antara cadangan Persidangan Makkah dan dua model institusi tersebut. Kajian juga mengemukakan dapatan terhadap kandungan teras dan kaedah kurikulum selari dengan prinsip dan teori Islam, walau bagaimanapun terdapat permasalahan dari segi praktikal. Permasalahan ini mungkin berpunca daripada ketiadaan kefahaman sebenar terhadap kurikulum bersepadu secara konseptual. Keadaan ini merupakan faktor berlaku amalan dualisme secara berterusan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kata kunci: Sekolah Islam, Pendidikan di Malaysia, Kurikulum Bersepadu, Penyepaduan Kurikulum, Pendidikan Islam

Cite as: Rahimah Embang, Normila Norudin, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hanif Md Lateh @ Junid. 2017. Amalan Kurikulum Bersepadu bagi Sekolah Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17(1): 23-35

PENGENALAN

Krisis pemikiran dan dilema dualisme pendidikan di dunia Islam telah membawa kepada siri Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam. Persidangan kali pertama telah diadakan di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1977 diikuti 6 siri berikutnya pada tahun 1980, 1981, 1982, 1987, 1996 dan 2009 di tempat berbeza. Persidangan ini telah dibuat berasaskan tema yang merangkumi Islamisasi ilmu dan kurikulum bersepadu (Kementerian Pendidikan Tinggi Arab Saudi, 1983). Persidangan pertama di Makkah (Persidangan Makkah) menjadi titik tolak kepada perubahan dalam sejarah pendidikan Islam. Persidangan ini telah membahaskan permasalahan pokok dalam pendidikan Islam dan cadangan untuk mengatasinya. Antara dapatan persidangan adalah penyepaduan kedua-dua jenis sistem pendidikan iaitu agama tradisional dan sekular moden telah disepakati sebagai satu mekanisme untuk mengatasi masalah dualisme pendidikan. Persidangan Makkah (1977) ini menjadi pemangkin kepada reformasi pendidikan Islam melalui pelaksanaan kurikulum bersepadu dan Islamisasi ilmu.

Manakala, dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia pula, perubahan major turut berlaku semenjak negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Perubahan dalam konteks pendidikan Islam pula menyaksikan perubahan melalui cadangan Akta Pelajaran 1961 untuk melaksanakan pendidikan Islam telah merangsang pertumbuhan sekolah-sekolah agama Islam di Malaysia. Ahmad Fauzi (2005) mengenal pasti beberapa jenis sekolah agama iaitu Sekolah Agama Persekutuan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Majlis Agama Islam Negeri, Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Swasta (SAS).

Rosnani (1996) menjelaskan bahawa SMKA telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia ekoran daripada permintaan ramai yang tinggi terhadap pendidikan berorientasikan

Islam. SMKA menjadi rebutan kerana menawarkan kurikulum bersepadu yang menjamin nilai pasaran. Sebagai contoh, pendidikan aliran sains membolehkan pelajar untuk membangunkan kerjaya mereka pada masa hadapan. Shaharir (1991) mendapati bahawa SMKA lebih berorientasikan Islam daripada SAR kerana mempunyai sistem pendidikan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi. SAN berbeza daripada SMKA daripada segi pengisian ajaran Islam kerana yang terdahulu menawarkan hanya mata pelajaran wajib bagi pelajar Islam iaitu Agama Islam dalam bahasa Melayu manakala yang terkemudian menawarkan Bahasa Arab dan tiga mata pelajaran Islam yang lain iaitu Usuluddin, Syariah dan Tauhid.

Selain itu, perubahan ketara boleh dilihat dengan penubuhan Madrasah sebagai alternatif kepada sistem pendidikan pondok di Malaysia yang didakwa menawarkan kurikulum yang sempit dan tidak mampu memenuhi cabaran dunia moden. Pelancaran Dasar Pendidikan Kebangsaan membawa beberapa perubahan dalam kurikulum Madrasah seperti menggantikan bahasa Arab dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mengurangkan beberapa mata pelajaran agama untuk menggabungkan beberapa mata pelajaran umum seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Geografi, Sejarah dan Sains (Che Noraini & Hassan Langgulung, 2008). Antaranya sekolah Tahfiz di Terengganu dan Pahang menggunakan pendekatan bersepadu dalam kurikulum mereka (Sidek, 2009).

KURIKULUM BERSEPADU MODEL AL-AMIN DAN IMTIAZ

Sekolah Islam Swasta Al-Amin

Pusat Pendidikan Al-Amin mempunyai lebih daripada 30 buah sekolah yang terdiri daripada Sekolah Rendah Islam (SRI) dan Sekolah Menengah Islam (SMI) di seluruh Malaysia. Al-Amin mempunyai wawasan untuk menjadi pusat pendidikan Islam yang bersepadu. Misinya adalah untuk membentuk pelajar Salih wa Muslih melalui sistem pendidikan bersepadu. Falsafah pendidikan Al-Amin adalah berdasarkan tauhid dan proses pendidikannya bermatlamat untuk membangunkan insan rabbani yang berilmu, beriman, berakhlak dan mampu untuk menyumbang bagi pembangunan diri dan kemajuan masyarakat, negara dan dunia seperti yang disyorkan melalui sistem bersepadu, holistik dan konsisten berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Ciri-ciri kerangka konsep al-Amin adalah pertamanya, menyeluruh dan merangkumi di dalam dan di luar kampus, kedua-dua aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum adalah sama penting dalam pembentukan tingkah laku dan sahsiah pelajar. Keduaanya, seimbang antara rohani dan fizikal, teori dan praktis, ilmu wahyu dan perolehan, dan pendekatan tradisional dan moden. Ketiga, dinamik dan kontemporari; kurikulumnya bersifat dinamik tetapi secara asasnya berlandaskan prinsip-prinsip Islam dan ini bertujuan untuk memperkasakan pelajar untuk menghadapi cabaran semasa. Akhirnya, relevan kerana kandungan kurikulumnya terutamanya ilmu wahyu dihubungkan kait dengan isu-isu semasa. Ia juga menggunakan kaedah pengajaran yang moden secara kreatif, inovatif dan analitikal (Nor Zalmiah, 2001).

Menurut Saari & Anfal (2001a), sejak dari awal penubuhan sehingga tahun 2001, Al-Amin telah menerima pakai kurikulum kebangsaan iaitu KBSR dan KBSM yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama-sama dengan kurikulum agama Al-Amin atau sukatan pelajaran Diniyyah. Pada tahun 2002, reka bentuk yang baharu bagi kurikulum

bersepadu yang dinamakan projek Merkuri telah diperkenalkan. Projek ini menggalakkan para guru untuk mengajar mata pelajaran mereka daripada sudut pandangan Islam. Model baharu ini mempunyai beberapa perubahan kurikulum seperti menggantikan subjek-subjek teras dalam sukatan pelajaran agama atau Diniyyah dengan subjek Tasawwur Islami. Model ini mengekalkan Tulisan Jawi bagi SRI dan Tajwid, Tilawah dan Hafazan bagi kedua-dua SRI dan SMI tetapi lebih menekankan kepada ilmu pengajaran ('ilm al-alat), iaitu ketiga-tiga bahasa selain Matematik, Sains Pengurusan dan Latihan Kepimpinan. Selain itu, al-Amin melaksanakan kurikulum formal dengan aktiviti ko-kurikulum dan kurikulum tambahan secara seimbang. Ko-kurikulum adalah untuk meningkatkan selain daripada kebolehan pembelajaran kognitif seperti aspek afektif dan psikomotor melalui aktiviti-aktiviti kelab, persatuan dan badan-badan beruniform seperti syabab wa fatayat. Kurikulum tambahan adalah sebahagian daripada program yang memberi tumpuan kepada pembangunan sahsiah, kepimpinan dan perbincangan mengenai isu-isu semasa. Antaranya seperti usrah, dawrah, Qiyam Al-Lail, mukhayyam dan berpuasa; Wafd Al-Amin, Nuqaba' majlis, Majlis Perwakilan Pelajar dan Gerakan Andalus (Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad. <http://www.al-amin.edu.my>).

Sekolah Agama Pintar: IMTIAZ

Imtiaz merupakan sebuah sekolah agama pintar yang unggul di Malaysia. Penubuhan Imtiaz adalah berdasarkan bermatlamat untuk melahirkan generasi Ulul-Albab yang mempunyai ciri-ciri Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Falsafah sekolah ini merupakan adaptasi akronim perkataan Imtiaz iaitu Itqan (bersungguh-sungguh), Mahabbah (kasih sayang), Taqwa (taat kepada Allah), Istiqamah (berterusan), Akhlak (budi pekerti) dan Zaamah (kepimpinan). Kurikulum Imtiaz menggunakan KBSM (SPM) melalui pengubahsuaian mengikut aspirasi falsafah, matlamat dan objektif pendidikannya. Kurikulum peringkat menengah rendah terdiri daripada Hafazan al-Quran, Program Bahasa Arab komunikasi, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, ICT dan Program pembangunan Sahsiah (Sikap, minat, kesediaan, keyakinan diri, tanggungjawab dan lain-lain). Kurikulum peringkat menengah atas meliputi Hafazan al-Quran, Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, dan ICT.

Selain itu, ia dilengkapi dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan kurikulum tambahan dan program pembangunan insan seperti Rakan Masjid, kepimpinan, motivasi, Khemah Ibadah, khidmat masyarakat, membersihkan tanah perkuburan, lawatan ke rumah-rumah kebajikan, sambutan kemerdekaan, sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulud Al-Rasul, Solat Hajat Perdana, Ihya' Ramadhan dan sebagainya. Pada tahun 2005, dengan pengenalan program khas Ulul-Albab, para pelajar dikehendaki untuk menghafal seluruh Al-Quran dalam tempoh tiga tahun di peringkat menengah rendah.

Berhubung sistem pengajaran dan pembelajaran, Imtiaz mengamalkan sistem moden and konvensional yang selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan. Para pelajar didorong untuk meneroka ilmu pengetahuan melalui pelbagai pendekatan pembelajaran seperti program 'Super Learning', ulangkaji 'Re-learning and Re-teaching' pembelajaran berasaskan pelajar dan 'E-Learning.' Sekolah dilengkapi dengan peralatan, perkakasan dan perisian teknologi maklumat untuk memudahkan pembelajaran pelajar dan menjadikan pembelajaran seronok. Penilaian dan pentaksiran berdasarkan prestasi pelajar dalam kedua-dua aspek akademik dan agama termasuk hafazan Qur'an. (Portal Rasmi Imtiaz Yayasan Terengganu).

ANALISIS AMALAN KURIKULUM BERSEPADU

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif. Bagi mencapai objektif-objektif yang disasarkan, kajian ini menggunakan analisis kandungan sebagai instrumen kajian. Dokumen-dokumen yang terlibat dalam mengenal pasti prinsip-prinsip pembuatan Islam serta merumuskan satu definisi pembuatan Islam ialah al-Quran, hadith dan penulisan para sarjana Islam. Ketiga-tiga dokumen ini merupakan sumber muktabar (authentic) yang diperakukan untuk mewakili pandangan Islam. Analisis data dijalankan secara induktif dan komparatif bagi menjayakan usaha murni ini untuk mengasaskan teori pembuatan Islam yang boleh dijadikan dasar kepada amalan pembuatan Islam yang menepati kepatuhan syariah, taharah, barakah dan boleh menghapuskan shubhah.

Seterusnya artikel ini menganalisis keselarasan serta permasalahan berkaitan amalan kurikulum bersepadu dari segi matlamat, kaedah penyepaduan dan kandungan kurikulum dalam konteks sistem pendidikan Islam. Analisis ini penting untuk mengenal pasti sama ada sekolah-sekolah tersebut benar-benar mengamalkan penyepaduan kurikulum ataupun sekadar penyepaduan artifisial atau palsu dan superfisial atau dangkal.

a. Falsafah

Falsafah sistem pendidikan Islam perlu sejajar dengan matlamat dan objektif pendidikan Islam sebagaimana yang ditetapkan dalam Persidangan Makkah (1977) sebagaimana berikut:

Pendidikan perlu bermatlamatkan perkembangan seimbang keseluruhan personaliti seorang insan melalui latihan roh, akal, jasad, perasaan dan pancaindera. Pendidikan harus merangkumi seluruh kehidupan seseorang manusia dalam segala aspek: rohani, intelek, imaginasi, fizikal, sains, bahasa, secara peribadi dan sosial, dan mendorong kepada kesemua aspek ke arah kebaikan dan mencapai kesempurnaan. Matlamat utama pendidikan Islam adalah mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah pada peringkat individu, masyarakat dan umat manusia sejagat.

Hasil daripada usul-usul Persidangan Makkah, maka sekolah-sekolah Islam kontemporari seperti al-Amin dan Imtiaz yang bersifat Islamik telah ditubuhkan. Tujuan pendidikan Islam bukan semata-mata untuk memindahkan maklumat, fakta dan kemahiran daripada guru kepada pelajar, tetapi untuk menyediakan pelajar menghadapi kehidupan duniawi dan akhirat dengan mencungkil potensi dalaman mereka. Misi sebagai khalifah Allah telah mengubah amalan biasa persekolahan formal daripada pemindahan ilmu kepada transformasi individu, supaya mereka berusaha ke arah kebaikan masyarakat dan dunia. Oleh itu, kurikulum bersepadu bersifat transformatif, yang memberi tumpuan kepada pembangunan sahsiah melalui kurikulum formal, bukan formal dan tidak formal. Kenyataan visi dan misi al-Amin dan Imtiaz adalah memupuk semangat Islamik dan dinamik. Ia sangat relevan dalam dunia kontemporari, sekali gus memenuhi matlamat pendidikan Islam.

Falsafah pendidikan, visi dan misi al-Amin adalah sejajar dengan matlamat pendidikan yang diusulkan dalam persidangan Makkah (1977). Al-Amin memperkenalkan pendidikan yang seimbang, komprehensif, dinamik, kontemporari dan relevan dengan situasi pendidikan sekarang; dan mengaplikasikan cara terbaik untuk mencapai visi dan misi untuk melahirkan generasi sālīh wa muslīh yang berupaya untuk memainkan peranan sebagai hamba (‘abd) dan

khalifah serta berdaya saing untuk menghadapi cabaran masakini. Al-Amin menjadi inspirasi untuk melahirkan generasi Rabbani (Saari & Anfal, 2001a). Amalan kurikulum bersepadunya menekankan kepada pembentukan menyeluruh individu pelajar yang mampu membuat transformasi untuk diri mereka sendiri dan masyarakat. Mereka memberi tumpuan kepada pembentukan moral dan penghayatan nilai-nilai Islam. Gagasan generasi Rabbani telah dipengaruhi oleh fahaman Ikhwan al-Muslimin (Mokhtar, 2002) kerana sistem pendidikan Al-Amin telah dibangunkan oleh Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia atau JIM, sebuah gerakan Islam yang menggunakan modul Tarbiyah Ikhwan al-Muslimin. Al-Amin berusaha untuk membawa pembaharuan dalam pendidikan di Malaysia.


Imtiaz berhasrat untuk menghasilkan generasi Ulul-Albab, iaitu Quranik, ensiklopedia dan Ijtihadik, berwibawa dan berupaya berperanan di peringkat global kerana dilengkapi dengan semangat integriti yang tinggi untuk menghadapi cabaran global. Kriteria pertama ialah 'Quranik' iaitu, yang mempunyai keupayaan untuk menghafal keseluruhan tiga puluh juzuk Al-Quran dalam tempoh tiga tahun. Kriteria kedua iaitu 'ensiklopedia', berilmu dan mahir dalam pelbagai bidang dan menjadi sumber rujukan kepada masyarakat. Kriteria ketiga iaitu 'Ijtihadik', mampu memberi pendapat untuk menyelesaikan masalah ummah, mengoptimumkan pemikiran kreatif dan kritis serta inovatif (Sapie et.al, 2009). Imtiaz berhasrat untuk memenuhi permintaan masyarakat dalam bidang profesion sains dan teknologi ke arah menjana ummah yang cemerlang dengan menggunakan pendekatan kontemporari. Untuk mencapai matlamat, Imtiaz menggabungkan pendidikan Al-Quran dan Sains dalam kurikulum formal. Integrasi Al-Quran ke dalam semua bidang masakini ini dilihat untuk meningkatkan kualiti hidup umat Islam.

Dalam satu kajian, Muhammad (2009) mengkaji pelaksanaan pendidikan bersepadu di Imtiaz berhubung dengan pembangunan modal insan berdasarkan pemahaman guru mengenai Falsafah Pendidikan Kebangsaan, konsep Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah atau KBSM, dan aplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta peranan mereka dalam menyampaikan ilmu. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua unsur-unsur tersebut berada pada tahap yang tinggi. Beliau membuat kesimpulan bahawa kefahaman guru-guru dan peranan mereka menjadi faktor utama dalam proses pembangunan modal insan dalam pendidikan bersepadu. Ia sentiasa berusaha untuk mencapai agenda negara dan wawasan serta menyumbang ke arah kemajuan negara dan merealisasikan Wawasan 2020. Selain itu, proses membangunkan modal insan melalui sistem pendidikan bersepadu adalah juga selari dengan dasar pendidikan kebangsaan dan matlamat untuk menyediakan rakyat Malaysia bersatu yang mempunyai disiplin dan boleh menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Ini tidak bertentangan dengan matlamat pendidikan Islam kerana falsafah Imtiaz sentiasa meletakkan Islam di tempat yang pertama sementara agenda nasional untuk kebaikan masyarakat dan negara menjadi perkara kedua.

b. Kandungan Kurikulum

Analisis kandungan dan kaedah penyepaduan adalah perlu untuk mengenal pasti beberapa perkara integrasi antara kedua-dua kurikulum. Ini akan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan mereka, yang akan membantu proses pembentukan kurikulum bersepadu Islam.

Asas penyepaduan sepertimana yang disyorkan oleh Persidangan Makkah (1977) melibatkan penyepaduan kedua-dua ilmu wahyu dan ilmu perolehan dalam kandungan kurikulum. Pada pandangan al-Attas (1979), kurikulum pendidikan Islam harus merangkumi kedua-dua ilmu wahyu untuk mendidik dan melatih jiwa dan diri seseorang manusia manakala ilmu kontemporari membentuk keupayaan-keupayaan fizikal, pancaindera dan rasa. Melalui kedua-dua jenis ilmu ini, pendidikan Islam akan dapat menanamkan pengetahuan yang sebenar supaya dapat membentuk manusia yang beradab. Anis Ahmad (1996) juga mempunyai pandangan yang sama terhadap kandungan Pendidikan Islam. Beliau menegaskan bahawa kandungan pendidikan harus merangkumi ilmu-ilmu agama serta kemanusiaan dan sains, manakala sumber kepada ilmu-ilmu tersebut ialah wahyu dan kajian tentang penciptaan alam seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam

Dalam amalan kurikulum bersepadu, Al-Amin bukan sahaja menyediakan kedua-dua kurikulum yang terdiri daripada 'ilm al-naqli dan 'ilm al-'aqli, tetapi ia adalah gabungan kedua-duanya. Penyepaduan ini bermakna bahawa kurikulum yang terdahulu dan perlaksanaannya telah dilaksanakan dalam keadaan yang berubah-ubah manakala pelaksanaan kurikulum yang terkemudian berserta kaedah-kaedahnya dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Sebenarnya, model baharu Al-Amin adalah bersepadu. Sukatan pelajaran agamanya menekankan konsep holistik ilmu di peringkat sekolah rendah dan menjana semangat Islam yang dinamik dan unggul di peringkat sekolah menengah. Model ini juga adalah satu usaha yang baik dalam Islamisasi ilmu secara sistematik untuk menyepadukan nilai-nilai Islam ke dalam sukatan pelajaran rasmi kebangsaan. Semua bidang ilmu berdasarkan nilai-nilai Rabbani atau ketuhanan yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah. Tujuan utama adalah untuk menjadikan pelajar menjadi lebih dekat kepada Allah. Di peringkat sekolah rendah, beberapa tema diajar secara langsung daripada kedua-dua sumber, sementara di peringkat menengah rendah, mata pelajaran agama disatukan dalam satu mata pelajaran iaitu Tasawwur Islami. Mata pelajaran ini menggabungkan ajaran Al-Quran dan menekankan prinsip-prinsip, konsep dan

hikmah dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu agama. Peringkat menengah atas pula ditambah dengan pemikiran Islam. Ini untuk memupuk rasa kasih sayang dan bangga menjadi seorang Muslim ('izzah) dan menyediakan generasi syabab-du'at (pendakwah remaja) yang kompeten untuk menghadapi cabaran semasa (Saari & Anfal, 2001b). Ini adalah satu usaha yang baik untuk menghapuskan pemetakan ilmu secara tradisi dalam pengajian agama Islam dan berusaha untuk memenuhi matlamat pendidikan Islam.

Penggabungan pengajian al-Quran atas nama program Tahfiz menjadi amalan yang popular dalam kalangan sekolah-sekolah Islam. Dengan pendekatan inovatif dan sistematik, sistem pendidikan Imtiaz mengintegrasikan pembelajaran al-Quran dan pembinaan sahsiah. Di samping itu, program akademik juga meliputi pelbagai bidang termasuk Matematik, Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Sastera. Ini memberi penekanan kepada pembelajaran Al-Quran dan penyepaduannya dengan ilmu pengetahuan lain, pembelajaran akademik dan kemahiran secara bersistematik. Sistem ini telah berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kedua-dua aspek akademik dan moral.

c. Kaedah Penyepaduan

Laporan akhir Seminar on Islamic Thought and Contemporary Educational Issues for Senior Malaysian Educational Officers (1989) menggariskan lima ciri Kurikulum Bersepadu iaitu; pertamanya, saling kait antara bidang-bidang mata pelajaran; kedua, integrasi antara teori dan amalan; ketiga, kaitan pengalaman dalam bilik darjah dengan pengalaman di luar dan masyarakat, dan keempatnya, penerapan nilai-nilai murni merentasi kurikulum. Akhir sekali, pembentukan individu yang menyeluruh meliputi aspek rohani, intelek, imaginasi, emosi dan fizikal. Ciri-ciri ini dianalisis secara ringkas dengan beberapa contoh. Walau bagaimanapun, isu penyepaduan nilai dianalisis secara terperinci kerana ia merupakan faktor yang paling penting dalam amalan kurikulum bersepadu dan dilaksanakan oleh hampir semua sekolah Islam.

Pertama, sekolah-sekolah Islam tertentu cuba untuk mewujudkan saling hubungan di antara pelbagai disiplin subjek. Sebagai contoh, Imtiaz menyepadukan al-Quran, Sains dan Teknologi dalam kurikulumnya. Ini bertujuan untuk memupuk budaya sains al-Quran dengan ICT sebagai pendekatan nilai tambah dan menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang yang kukuh dalam pengajian al-Quran dan lain-lain bidang sains dan teknologi. Kedua, terdapat usaha untuk menyepadukan teori dan amalan dalam melaksanakan kurikulum bersepadu. Sebagai contoh, bilangan jam kontak bagi pengajian Islam dalam kurikulum KBSM telah ditambah dengan pengenalan aspek praktikal fardu ain. Satu lagi kurikulum kemahiran praktikal yang mendedahkan pelajar kepada pengalaman harian di peringkat teori dan praktikal. Ketiga, kebanyakan sekolah Islam seperti Al-Amin dan Imtiaz menggalakkan penyepaduan pengalaman dalam bilik darjah dan mengaitkan pelajar dengan masyarakat dan dunia luar. Para pelajar digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan ekstra-kurikulum, seperti khidmat sosial, lawatan sambil belajar, aktiviti rekreasi, ekspedisi dan sebagainya.

Sebagai maklum balas kepada pembangunan individu secara menyeluruh, terdapat pembaharuan yang berani dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia dengan pengenalan KBSM seperti yang dinyatakan sebelum ini. Rasional bagi menggantikan kurikulum lama adalah kerana kurikulum bersepadu yang baharu (KBSM) adalah kurikulum lama lebih

menekankan kepada aspek kognitif, pembelajaran secara penghafalan dan pencapaian material serta kelompangan nilai-nilai moral. Akhirnya, pelajar-pelajar tidak mampu untuk membentuk peribadi mereka sendiri supaya dapat menghadapi cabaran kehidupan moden. Oleh itu, penekanan KBSM dalam pembangunan individu yang seimbang adalah selari dengan matlamat pendidikan Islam seperti yang dicadangkan oleh Persidangan Makkah (1977).

Sekolah Islam seperti Al-Amin dan Imtiaz menggalakkan penyepaduan sistem nilai Islam ke dalam amalan kurikulum mereka secara rasmi dan tidak. Dalam konteks ini, penyepaduan merentasi gabung jalin menunjukkan satu usaha bersepadu untuk membina satu hubungan antara pengalaman pembelajaran pelajar dengan sistem nilai Islam serta kemahiran penting yang lain. Sekolah-sekolah ini menekankan penerapan nilai-nilai Islam dalam semua bidang, yang juga wujud dalam kurikulum kebangsaan bagi pembangunan peribadi yang seimbang dan holistik. Oleh itu, nilai-nilai moral atau murni dinyatakan dengan jelas dan diterap dengan sengaja melalui keseluruhan kandungan kurikulum. Ini adalah satu usaha yang baik di peringkat epistemologi tetapi gagal di peringkat pedagogi kerana sikap pesimis dalam kalangan para guru. Nilai-nilai yang hanya dinyatakan dalam rancangan pengajaran sebagai pra-syarat untuk ikut format. Ini adalah kerana kurangnya penyeliaan, dan ketiadaan kawalan dan penguatkuasaan di peringkat pengurusan dan pengajaran. Sekolah-sekolah lebih prihatin dengan nilai-nilai berbanding kepercayaan yang sepatutnya menjadi asas kepada kurikulum Islam.

d. Kaedah Pengajaran

Satu persoalan timbul tentang bagaimana sistem pendidikan Islam hari ini dapat memainkan peranannya dalam era globalisasi dan ledakan ilmu, dan bersaing dengan kemajuan sains dan teknologi tetapi masih mengekalkan prinsip dan fahaman Islam? Nor Zalmiah (2001) memerhatikan bahawa, pedagogi yang digunakan untuk pengajaran bahasa Arab bersifat tradisional walaupun pendekatan pengajaran bagi bahasa Inggeris mengikut perkembangan terkini. Pengajaran mata pelajaran agama seperti Fekah, Akidah dan Akhlak jarang dikaitkan dengan isu-isu semasa. Dalam kes Al-Amin, sekolah tidak dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi kerana kekangan kewangan. Selain itu, guru-guru tidak gemar untuk menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif berasaskan tutor rakan sebaya, pembelajaran berkumpulan dan penyelesaian masalah. Sebaliknya, sebahagian daripada mereka tidak pernah menggunakan teknik terbaharu untuk memupuk semangat kerjasama (ta'awun), kesabaran, empati dan perkongsian dalam kalangan pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam Al-Amin adalah bertujuan untuk menyumbang kepada peningkatan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar. Sebaliknya mereka harus disepadukan dengan pendekatan berasaskan teknologi maklumat. Satu perkara yang wajar dicontohi dalam pengajaran Tasawwur Islami, iaitu satu pendekatan yang praktikal untuk menangani fahaman sekular digunakan untuk membuatkan pelajar tahu perbezaan antara sistem Islam dan sekular. Isu-isu semasa perlu dikupas daripada pandangan Islam dan semasa berbuat demikian, pelbagai kemahiran berfikir dapat digunakan. Pada masa ini pemahaman sebenar tentang konsep dan isu-isu tertentu seolah-olah sekadar untuk menyampaikan maklumat dan fakta. Oleh itu, pendekatan pedagogi hanya difahami di peringkat teori sahaja, dan guru jarang mengaplikasikannya dalam bilik darjah.

Di samping menggunakan teknik-teknik pengajaran yang berpusatkan pelajar, sekolah-sekolah Islam bersepadu masih mengamalkan pendekatan hafalan dan “makan suap” berbanding penglibatan dalam penerokaan ilmu. Hafalan sepatutnya diamalkan untuk memelihara al-Quran, masih diamalkan dalam mata pelajaran agama lain dan mata pelajaran umum. Sesetengah guru sangat teruja untuk memastikan pelajar untuk menyerap semua maklumat dalam sesuatu mata pelajaran berbanding mendorong mereka untuk mengaitkan apa yang dipelajari dengan dunia sebenar. Sekolah menjadi tidak berfungsi sebagai pusat pembelajaran tetapi sebagai pusat menghafalan, dengan itu mewujudkan kekeliruan mengenai apa yang mereka pelajari. Sesungguhnya hafalan adalah penting untuk merangsang otak, tetapi tradisi pembelajaran berpusatkan hafalan semata-mata tanpa merangsang kemahiran kritis dan kreatif boleh memberi kesan kepada pembangunan peribadi pelajar. Adalah diperhatikan bahawa penggunaan alat teknologi dan maklumat adalah digalakkan di kebanyakan sekolah Islam. Walau bagaimanapun, pelajar lebih terbuka berbanding dengan para guru. Ini mungkin disebabkan sikap negatif sebahagian guru terhadap peningkatan teknik pengajaran mereka dengan teknologi dan kaedah moden, pengajaran mereka menjadi agak kurang menarik dan agak ketinggalan zaman.

e. Kaedah Penilaian

Walaupun peningkatan jumlah sekolah-sekolah Islam di seluruh dunia, tanpa mengira negara minoriti atau majoriti Muslim, dari segi kualiti pendidikan yang ditawarkan mereka tidak menunjukkan apa-apa prestasi yang memuaskan. Persoalannya ialah bagaimana amalan kurikulum bersepadu dalam sistem pendidikan Islam diukur, secara kuantitatif atau kualitatif? Sesetengah sekolah tidak hanya menekankan pencapaian pelajar dalam bidang akademik tetapi juga penglibatan mereka dalam aktiviti ko-kurikulum dan ekstra-kurikulum kerana menunjukkan penunjuk-penunjuk prestasi tidak terhad untuk mencungkil ilmu pengetahuan, kecekapan dan kemahiran, bahkan juga untuk membentuk prestasi keagamaan dan sikap diri mereka. Dalam kes Al-Amin, penilaian adalah berdasarkan kelayakan kertas dan laporan daripada ibu bapa serta guru-guru. Pentaksiran formal hanya bagi peperiksaan awam yang mengikut tahap iaitu UPSR, PMR dan SPM sementara peperiksaan UPSR telah dimansuhkan pada tahun 2002. Ibu bapa digalakkan untuk memberi maklum balas terhadap prestasi anak mereka dalam ibadah keagamaan dan tingkah laku anak-anak mereka di rumah. Bagi Sekolah Menengah Islam (SMI), pentaksiran dikira dengan gred praktikal pada setiap penggal bagi mata pelajaran Tasawwur Islāmī. Ini menunjukkan bahawa al-Amin sedar bahawa keberkesanan dalam melaksanakan kurikulum bersepadu boleh diukur melalui usaha-usaha bersepadu yang melibatkan ibu bapa. Penilaian melalui peperiksaan formal sahaja tidak memadai untuk meningkatkan penguasaan ‘Ilm al-alat khususnya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Matematik. Bagi tujuan mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing, Al-Amin melaksanakan program peningkatan akademik melalui ulang kaji intensif, aktiviti kelab, minggu bahasa dan lain-lain. Pada akhir persekolahan, pelajar dijangka mempunyai pencapaian akademik yang baik, mematuhi kewajipan fardu ain, mencerminkan identiti Islam, menonjolkan jati diri sebagai Muslim, mempunyai kualiti kepimpinan yang baik dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup mereka.

KESIMPULAN

Shahed Ali (1984) mengutarakan bahawa sistem pendidikan Islam yang sebenar akan menyepadukan semua cabang ilmu pengetahuan ke dalam satu kesepaduan menyeluruh, ini akan memupuk satu pandangan alam tentang hidup yang lebih komprehensif bagi pelajar. Oleh itu, usaha penyepaduan yang lebih serius perlu diikuti dengan penggunaan pendekatan holistik dan penyepaduan unsur-unsur Islam ke dalam semua mata pelajaran dan merentasi kurikulum. Contoh-contoh bagi pendekatan ini telah dilakukan oleh Al-Amin melalui projek Merkuri dan Imtiaz melalui program Ulul-Albab. Daripada analisis terdahulu, dua kesimpulan dibuat. Pertama, dari segi falsafah dan matlamat pendidikan, kedua-dua sekolah Islam telah memenuhi standard pendidikan Islam seperti yang dicadangkan oleh Persidangan Makkah (1977). Sekolah-sekolah ini menjana inspirasi transformasi pelajar melalui proses pendidikan bersepadu mereka untuk kesejahteraan diri dan juga masyarakat, negara dan dunia sejagat. Kedua, kandungan teras dan kaedah kurikulum, secara teorinya adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam. Oleh itu, sistem pendidikan ini bukan sahaja bersepadu tetapi juga holistik secara teori. Walau bagaimanapun, secara praktikal, sangat rumit untuk melaksanakannya. Ini adalah disebabkan oleh kurang pemahaman tentang konsep kurikulum bersepadu di peringkat pengajaran. Kebanyakan guru menganggap bahawa kurikulum bersepadu memadai dengan menawarkan kedua-dua pendidikan akademik dan agama bersama-sama. Usaha mereka adalah untuk menekankan pendidikan Islam tetapi, tanpa disedari, mereka mengabaikan Islamisasi ilmu kontemporari. Ini secara beransur-ansur mewujudkan beberapa percanggahan dalam pemikiran dan tindakan pelajar. Oleh itu, masalah dualisme pendidikan tidak dapat diselesaikan malah masih berterusan tanpa disedari.

Sudah menjadi amalan dalam menawarkan pendidikan Islam, sekolah mengguna pakai kaedah penyepaduan seimbang antara kedua-dua kurikulum sekular dan agama. Gagasan-gagasan pendidikan, matlamat, kurikulum, sukatan pelajaran dan pendekatan pedagogi yang digunakan adalah berbeza. Kepelbagaian pandangan dan amalan kurikulum bersepadu menunjukkan wujudnya kekaburan dari segi teori dan kerumitan dari segi praktikal. Oleh kerana ketiadaan makna yang jelas tentang konsep kurikulum bersepadu dan kurangnya garis panduan yang standard untuk mendefinikan kurikulum bersepadu Islam, maka keperluan segera untuk menjernihkan gagasan kurikulum bersepadu bagi pendidikan Islam tidak dapat dinafikan lagi. Justeru, falsafah, kandungan kurikulum dan kaedah perlu disemak semula dalam konteks semasa. Selain itu, perancangan teliti perlu dilakukan sebelum pelaksanaan. Justeru, penubuhan institusi pendidikan Islam yang baharu lebih diutamakan daripada membuat perubahan apa yang tersedia ada.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil geran penyelidikan universiti (Kod Rujukan: UniSZA /14 / GU / (003). Kami mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang menyokong usaha penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2005). *The Strategy of Islamic Education in Malaysia: An Islamic*
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1979). *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah:
- Anis Ahmad (19 september 1996). "Value Centric Education System." Kertas kerja
dibentangkan di the Sixth International Conference on Islamic Education, Cape Town,
Afrika.
- Che Noraini Hashim & Hasan Langgulung. (2008). *Islamic Religious Curriculum in Muslim
Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia*. Bulletin of Education &
Research, vol. 30, no. 1, Jun 2008, h. 1-19. Lahore: Institute of Education and Research.
- International Institute of Islamic Thought. (1989). "Integrated Curriculum". Kertas Laporan
yang disampaikan dalam The Final Report on Seminar on Islamic Thought and
Contemporary Educational Issues for Senior Malaysian Educational Officers. Herdon,
USA: International Institute of Islamic Thought.
- Jeddah and Makkah al -Mukarramah: King Abdul Aziz University.
- Kertas kerja disampaikan dalam Bengkel Kurikulum. Gombak, Malaysia: Musleh.
King Abdul Aziz University.
- M. Mokhtar Shafii. (2002). Hassan al-Banna: Sumbangannya Terhadap Pendidikan dan
Kebangkitan Islam. Jurnal Pendidikan Islam. vol. 10, no. 1, Ogos 2002, Kajang. ABIM.
- Ministry of Higher Education Saudi Arabia. (1983). *Recommendations of the Four World
Conferences on Islamic Education*. Makkah al-Mukarramah: World Centre Islamic
Education.
- Movement's Experience. *Islamic Education in South and South East Asia: Diversity, Problems
and Strategy*. h. 171-204. Jakarta: The RIDEP Institute.
- Muhammad Deraman. (2009). *Proses Pembentukan Modal Insan Melalui Pendidikan
Bersepadu di Sekolah Imtiaz di Terengganu*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.
Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Zalmiah Jahidin. (2001), Februari 19. *Dinamika Kurikulum SRI-SMI: Antara Ideal and
Realiti*.
- Persidangan Mekah. (1977). *The First World Conference on Muslim Education:
Recommendations*.
- Portal Rasmi Imtiaz Yayasan Terengganu. <http://myImtiaz.com.my/v5/> diakses pada 25 Mei
2015
- Pusat Pendidikan al-Amin <http://www.al-amin.edu.my>. diakses pada 25 Mei 2015
- Rosnani Hashim. (1997). *Penyerapan Nilai Murni dalam KBSM*. Kertas kerja disampaikan
dalam Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM. Layang-layang, Malaysia: Institut
Aminuddin Baki.
- Saari Sungib & Anfal Saari. (2001a), February 18. *Manhaj Rabbani Generasi Qur'ani: Satu
Tinjauan Awal Keberkesannya dalam Konteks Sistem dan Proses Pendidikan al-Amin*.
Kertas kerja disampaikan dalam Bengkel Kurikulum. Gombak, Malaysia: Al-Amin.
- Saari Sungib & Anfal Saari. (2001b), February 19. *Model Baharu dan Komponen Utama dalam
Kurikulum al-Amin*. Kertas kerja disampaikan dalam Bengkel Kurikulum. Gombak,
Malaysia: Al-Amin.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak & Mohd Shahril Ahmad Razimi. (23 Disember 2009).

“Integrating Al-Quran Education and Science Education in Development Ulul-albab Generation.” Kertas Kerja dibentangkan di the Seventh World Conference on Muslim Education. Shah Alam, Malaysia, 2009.

Shaharir Mohamad Zain. (1991). Malaysian Experience in Islamization of Science. Muslim Education Quarterly, Vol. 8, no. 2, 1991, h. 15-26. Cambridge : Islamic Academy.

Shahed Ali. (1984). Conflict Between Religion and Secularism in the Modern World and the Role of Education in Preserving, Transmitting and Promoting Islamic Culture. Muslim Education Quarterly. Vol. 2, no. 1, 1984, h. 51-57. Cambridge : Islamic Academy.

Sidek Baba. (2009). The Integrated Approach in Malaysian Education: The International Islamic University Malaysia as a Model. Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 13, Bil. 2, h. 87-99. Kajang: ABIM.